

(A) Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai. (5.2.3)

1. Suara penyanyi itu sungguh merdu seperti _____.
A buluh betong
B buluh perindu
C mulut tempayan
D pendingin hawa
2. Kita tidak boleh terlalu _____ disebabkan pandai bermain beberapa alat muzik.
A ada hati
B bawa diri
C gelap mata
D bangga diri
3. Kelab Muzik sekolah Kok Chung sedang mengadakan _____ untuk mencari peniup seruling.
A uji bakat
B buah pena
C cakar ayam
D kertas kerja

(B) Bulatkan jawapan yang betul.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Pilih perkataan **sinonim** bagi perkataan bergaris dalam dialog di atas.
A lembut
B senyap
C sunyi
D kuat

4. Penggesek erh-hu itu mengalirkan _____ kerana persembahannya mendapat tepukan yang gemuruh.
A bulan madu
B bulat kata
C air mata
D ada hati
5. Beberapa orang peserta pertandingan bersyair sedang mendaftarkan nama di meja _____.
A cari gali
B urus setia
C hak milik
D reka cipta
6. Dia bercita-cita hendak menjadi ahli muzik yang dikenali di peringkat _____.
A antarabangsa
B suruhanjaya
C pesuruhjaya
D setiausaha

2. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- I Saya percaya masa depannya cerah sekiranya dia terus berusaha.
 - II Wajah gadis itu bertukar cerah setelah memenangi peraduan mencipta lagu tradisional.
 - III Kakak Wati memakai pakaian yang berwarna cerah ketika menyertai persembahan muzik rakyat.
 - IV Jangan kamu cerah cakap orang yang mahir memainkan alat muzik tradisional.
- A I dan II
B II dan III
C I dan III
D III dan IV